

18 JUL 1999

MCA-Perhimpunan (Rangkuman)

TANGGUNGJAWAB BESAR MENUNGGU MCA

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Laungan "Hidup Barisan" dan "Mari Tanam Mereka" bergema di Wisma MCA di sini pada hujung minggu, menghantar pesanan yang jelas dan terang kepada pembangkang bahawa MCA sudah bersedia berhadapan dengan mereka pada pilihan raya umum akan datang.

Kini dengan berakhirnya pemilihan peringkat parti, MCA semakin kuat untuk berhadapan dengan pembangkang terutama DAP.

"Pentas sudah siap," Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengumumkan, disambut tepukan gemuruh daripada lebih 2,000 perwakilan di akhir persidangan perwakilan kali ke-46 hari ini.

Dalam ucapan penangguhan perhimpunan dua hari itu, Dr Ling mengingatkan anggota parti bahawa DAP adalah "pembangkang utama" mereka.

Dr Ling yang ceria kemudiannya memberitahu pemberita: "Sekarang semua senjata mesti diacukan keluar, tidak ke dalam."

Dan sesungguhnya perwakilan mengarahkan peralatan perang mereka ke arah pembangkang semasa perbahasan, menembak serentak terhadap DAP kerana mengelirukan masyarakat Cina.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmian perhimpunan agung MCA semalam meminta masyarakat Cina memastikan kemenangan dua pertiga BN pada pilihan raya akan datang.

Dan hari ini, para perwakilan berikrar mendapatkan anggota parti menggabungkan sumber-sumber mereka berbuat demikian.

Para perwakilan bercakap dalam bahasa Mandarin dan Kantonis tetapi sekali sekala bercakap dalam bahasa Melayu supaya mesej mereka sampai kepada parti pembangkang menerusi media utama.

Mereka bergilir-gilir membidas sebuah parti Islam kerana cuba menarik Cina mempercayai bahawa hak-hak mereka akan dilindungi jika PAS berkuasa.

Mereka juga membidas para pemimpin PAS kerana bercadang menarik Perlis keluar dari Malaysia jika mereka berkuasa di negeri itu.

Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan PRM juga tidak terkecuali.

DAP, PAS, Keadilan dan PRM telah membentuk pakatan dalam usaha mereka menewaskan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Walaupun perhimpunan berjalan lancar, ada saat-saat mencemaskan.

Malah sebelum perwakilan mengundi pada pemilihan parti semalam, khabar angin mengatakan salah seorang "orang presiden" penyandang naib presiden Datuk Chua Jui Meng tidak akan mempertahankan jawatannya.

Tetapi dalam pengiraan terakhir, Chua menduduki tempat kedua dalam pertandingan lima penjurua bagi empat jawatan naib presiden.

Yang tewas ialah penyandang jawatan naib presiden dan orang lama parti, Datuk Yap Pian Hon yang tewas kepada Datuk Chan Kong Choy. Dua penyandang jawatan itu, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Ong Ka Ting mengekalkan jawatan mereka.

Bersama pasukan baru di belakangnya, bebannya sekarang dipikul oleh Dr Ling bagi mendapatkan undi Cina untuk BN.

-- BERNAMA

TM ES LAT